

## NILAI SPURS MELONJAK WALAUPUN LAMA TAK JULANG PIALA

Oleh: Syed Ahmed Iylia Haziq bin Syed Ahmad Rizal, 1172574,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 14 Ogos 2020*



*Stadium Tottenham Hotspur di London (gambar: Sky Sports)*

Menurut analisis yang dijalankan oleh pakar kewangan bola sepak, Kieran Maguire, Tottenham Hotspur yang juga dikenali dengan nama Spurs mengatasi dua kelab lain iaitu Manchester United dan Manchester City untuk dimahkotakan sebagai kelab paling bernilai dalam Liga Perdana Inggeri (EPL).

Berdasarkan analisis beliau, Spurs kini dianggarkan bernilai £2.567 bilion (RM13.97 bilion), nilai yang dilihat agak tinggi bagi sebuah kelab yang tidak menjulang sebarang piala sejak 2008.

Namun, prestasi permainan yang konsisten serta tarikan komersial berikutan pembinaan stadium baharu mereka serta ditambah dengan bayaran gaji pemain yang tidak terlalu tinggi menyebabkan nilai kelab itu meningkat.

Para peminat masih meletakkan harapan untuk Spurs merangkul piala pada musim hadapan. Spurs berada di puncak carta penilaian pada musim 2018/19 setelah mereka berjaya ke peringkat akhir Liga Juara-Juara dan berada dalam kelompok empat kelab teratas EPL.

Walaupun dengan bajet gaji lebih rendah antara £100-150 juta (RM544 - 816 juta) berbanding enam kelab besar yang lain, Spurs tetap memberi saingan yang sengit dalam setiap perlawanan yang dihadapinya.



*Penyerang Tottenham, Son Heung-min (gambar: Sky Sports).*

Pendapatan Spurs meningkat 21 peratus pada musim 2018/19, dari £381 juta ke £461 juta iaitu merangkumi 39 peratus daripada gaji para pemain.

Angka ini merupakan peratusan terendah berbanding 20 kelab EPL yang lain. Spurs memperuntukkan sebanyak £179 juta untuk pembayaran gaji, hanya separuh daripada perbelanjaan Manchester United iaitu £332 juta bagi tempoh yang sama.

Pengurus pasukan, Jose Mourinho menyatakan bahawa Tottenham tidak akan membelanjakan banyak wang untuk perpindahan pemain, dan tidak akan menandatangani pemain baharu dalam tahun 2020.

Kelab ini berada di kedudukan ke-13 UEFA dengan pekali kelab sebanyak 85.0 mata pada April 2020.

Walaupun pencapaiannya tidak gah seperti Liverpool, Manchester United atau Manchester City, Tottenham Hotspur tetap menunjukkan peningkatan yang baik dari setiap sudut khususnya prestasi permainan dan kedudukan kewangan yang stabil.

Sehubungan itu, pasukan-pasukan bola sepak di Malaysia seharusnya mempelajari pendekatan yang digunakan oleh Spurs dalam menguruskan kewangan agar mereka mampu berdikari sepenuhnya tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan.